

Komitmen sediakan rumah mampu milik



TIDAK dinafikan rumah sekarang harganya tidak masuk akal. Untuk sebuah unit rumah flat berkeluasan sekitar 600 kaki persegi sahaja boleh mencecah hampir RM200,000 terutama di kawasan bandar.

Tengok pada harga rumah sekarang memang 'menakutkan'. Bayangkan harga rumah paling murah di Kuala Lumpur pun berharga lebih RM300,000. Pun begitu, jangan jadikan ia halangan untuk kita mencari jalan agar dapat memiliki rumah sendiri.

Hakikatnya tidak mustahil memasang impian kerana ruang dan peluang sebenarnya ada, namun kita sahaja tidak menyedarinya.


Justeru, jika ada sedikit kemampuan, janganlah bertangguh membeli rumah pada harga semasa. Dikhawatiri jika kita melepaskan peluang itu, sampai bila-bila pun kita tidak mampu memiliki kediaman sendiri. Nak beli rumah, pokok pangkalnya bukan pada kemampuan kewangan semata-mata tetapi lebih kepada perancangan kita dalam menguruskan kewangan.

Seperti diuar-uarkan, satu daripada fokus utama Kerajaan Barisan Nasional (BN) adalah menyediakan perumahan mampu milik kepada setiap lapisan masyarakat. Pelbagai inisiatif dilaksanakan kerajaan bagi menyediakan perumahan mampu milik sejak 2009 iaitu ketika Datuk Seri Najib Tun Razak mula menyandang jawatan Perdana Menteri.

Untuk merealisasikan aspirasi rakyat berkaitan perumahan, sejumlah RM2.2 bilion diperuntukkan dalam Bajet 2018 bagi meneruskan usaha menyediakan perumahan untuk semua.

Antara inisiatif dilakukan ialah Program Perumahan Rakyat yang disewa atau dijual kepada isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (B40) pada harga amat rendah iaitu RM35,000 hingga RM42,000, dengan kos selebih-

Menyediakan Rumah Mampu Milik



nya dibiayai subsidi kerajaan.

Bagi golongan B40 tanpa rumah atau tinggal di rumah daif tetapi mempunyai tanah pula, program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia disediakan dengan kerajaan membina rumah pada kos RM65,000 iaitu subsidi kerajaan sebanyak RM20,000 berserta subsidi dua peratus kadar faedah pinjaman.

Sementara itu, program Rumah Idaman Rakyat pula membina rumah atas tanah kurniaan kerajaan negeri atau Persekutuan pada harga tidak melebihi RM350,000 dengan jualan diutamakan bagi pembeli orang kurang upaya atau ibu tunggal.

Kerajaan juga tidak melupakan golongan berpendapatan sederhana (M40) apabila menyediakan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang dibina di kawasan strategik di seluruh negara pada harga antara RM100,000 hingga RM400,000.

Terdapat juga Rumah Wilayah Persekutuan (Rumawip) yang

dijual pada harga daripada RM63,000 hingga RM300,000 kepada rakyat Malaysia yang menetap atau bekerja di Wilayah Persekutuan yang ingin membeli rumah pertama mereka.

Bagi penjawat awam, kerajaan melaksanakan Program Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) terutamanya penjawat awam berpendapatan rendah dan sederhana yang dijual pada harga antara RM90,000 hingga RM300,000 seunit.

Selain itu, pelbagai skim juga diperkenalkan bagi membantu rakyat memiliki rumah, antaranya ialah Skim Rumah Pertamaku untuk golongan muda baru bekerja dengan pendapatan kurang RM5,000 untuk mendapat pembiayaan 100 peratus.

Terbaharu, Skim MyDeposit telah diumumkan kerajaan bagi membantu golongan yang in-

gin membeli rumah tetapi tidak mempunyai wang pendahuluan dengan membayar deposit tersebut bersamaan 10 peratus daripada nilai rumah di bawah RM500,000 atau sehingga jumlah maksimum RM30,000.

Kerajaan, menerusi inisiatif ketiga iaitu menyediakan rumah mampu milik dalam buku *Aku Janji Kerajaan Persekutuan (2013-2018)*, telah menyatakan komitmen penuh untuk membina satu juta rumah mampu milik untuk rakyat bagi memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah.

Setakat ini, komitmen kerajaan bagi membina rumah telah dipenuhi, yang mana 139,338 rumah mampu milik atau 12.5 peratus telah siap dibina, manakala 311,281 buah rumah atau 28 peratus kini berada dalam pelbagai peringkat pembinaan.